

## PENDEKATAN KAUNSELING DISERMEN DALAM MENANGANI KONFLIK PERKAHWINAN ERA PENDEMIK COVID-19

Mohd Hamdan Mohamed Nordin  
Siti Aishah Hassan  
Ismi Arif Ismail  
Hanina H. Hamsan  
Azrin Shah Abu Bakar

### ABSTRAK

*Pengurusan konflik perkahwinan secara berkualiti adalah perlu memandangkan kefungsiannya suami isteri merupakan tunjang kepada kebahagiaan perkahwinan. Dalam kertas kerja ini, penggunaan Pendekatan Kaunseling Disermen yang diperkenalkan oleh William J. Doherty dicadangkan untuk digunakan semasa sesi kaunseling yang melibatkan pasangan yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk bercerai terutamanya era pandemik COVID-19. Konflik perkahwinan yang melibatkan pasangan yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk bercerai kerap ditemui dalam terapi perkahwinan namun begitu kajian mengenainya masih kurang. Tambahan pula, terapi perkahwinan sedia ada lebih menekankan kepada agenda untuk mendamaikan pasangan berkonflik untuk kembali berdamai berbanding memberi peluang kepada mereka membuat pilihan yang bijak dan matang mengenai status perkahwinan mereka sama ada ; (i) mengekalkan perkahwinan sedia ada, (ii) mengambil keputusan untuk berpisah atau bercerai atau (iii) membuat kerjasama selama 6-bulan melalui sesi terapi pasangan. Sungguhpun permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling perkahwinan meningkat terutamanya dalam era pandemik COVID-19, namun jumlah kaunselor perkahwinan dan keluarga yang ada adalah sangat terhad. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaporkan sehingga 31 Julai 2020, terdapat 1,605 orang kaunselor daripada 9,243 orang kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Ini bermakna, hanya 17.3 peratus daripada jumlah kaunselor yang berdaftar mampu mengendalikan isu yang melibatkan perkahwinan dan keluarga. Oleh sebab itu, Pendekatan Kaunseling Disermen (PKD) yang dikemukakan memberi peluang kepada pasangan berkonflik yang memutuskan untuk bercerai membuat keputusan yang bijak dan berhikmah mengenai masa depan perkahwinan mereka. Cadangan masa hadapan turut dikemukakan untuk memajukan lagi pendekatan kaunseling disermen terutamanya dalam konteks budaya di Malaysia.*

Kata kunci: Pendekatan Kaunseling Disermen, Kaunseling Perkahwinan, Konflik Perkahwinan, Pandemi Covid-19 dan Integrasi Kaunseling Disermen.

### PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan hampir seluruh kehidupan manusia berubah. Slogan “Normal Baharu” telah menjadi mentera masyarakat sebagai menjelaskan kehidupan dalam bentuk normal baharu sepanjang kewujudan virus COVID-19. Ekoran penularan COVID-19, kerajaan terpaksa menghadkan pergerakan, aktiviti sosial di luar dilarang dan bekerja dari rumah sangat digalakkan dalam kalangan pekerja sektor awam mahupun swasta (Hassan et al., 2020). Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi mengekang pandemik COVID-19 merebak dengan cepat menyebabkan sistem ekonomi hampir lumpuh, pengangguran meningkat dan pekerja kesihatan kepenatan (Hussain et al., 2020). Kesan sosial lain adalah meningkatnya jumlah pesakit mental dalam kalangan individu yang tertekan dengan pandemik COVID-19 sehingga menyumbang kepada aktiviti bunuh diri (Torales et al., 2020) dan penceraihan dalam kalangan suami isteri yang berkonflik perkahwinan (Hassan et al., 2020). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan mendorong aktiviti berkeluarga banyak dihabiskan dalam rumah. Pandemi COVID-19 Walaupun dari sudut yang lain dipandang sebagai peluang untuk merapatkan hubungan kekeluargaan yang sebelum ini renggan ekoran kesibukan bekerja. Perkara sebaliknya berlaku kepada pasangan yang berkonflik perkahwinan (Torales et al., 2020). PKP dilihat sebagai bebanan kepada kehidupan berumah tangga mereka dan konflik suami isteri yang sedia wujud semakin membarah dan sedia untuk meletup (Nordin et al., 2022).

### Konflik Perkahwinan

Konflik sebagaimana dijelaskan oleh Fernet et al. (2016) bermaksud tingkah laku yang mendorong kepada situasi perdebatan, pergaduhan dan permusuhan. Konflik yang wujud dalam perhubungan menjadikan sesebuah perkahwinan semakin bermasalah (Gere, 2011). Doherty et al. (2021) menjelaskan pasangan berkonflik perkahwinan gagal membuat keputusan terhadap masa depan perkahwinannya sama ada perlu kekal sebagai suami isteri atau berpisah. Secara asasnya, hubungan perkahwinan yang terjalin mewujudkan perasaan cinta dan kasih sayang (Noor et al., 2019). Namun, disebabkan konflik yang berlaku pasangan hilang pertimbangan untuk membuat keputusan yang matang mengenai masa depan perkahwinannya. Sebahagian yang lain mengambil keputusan berdiam diri dan kekal dalam konflik (Hinson, 2017). Oleh sebab itu, pasangan perlu bijak menguruskan emosi mereka walaupun berada dalam situasi pandemik COVID-19. Tambahan pula, matlamat perkahwinan adalah untuk mencapai kebahagiaan. Kebahagiaan yang dibina meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga dan meningkatkan kualiti modal insan negara pada masa hadapan.

Sungguhpun demikian, Analisis Talian Kasih 15999 dan WhatsApp Talian Kasih, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWK) melaporkan sejumlah 77,382 panggilan iaitu 32,660 panggilan telefon dan 44,722 melalui aplikasi WhatsApp telah diterima sepanjang tempoh PKP dari 18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 (KPWK, 2020). Panggilan yang diterima melalui Talian Kasih didapati terus meningkat sehingga 31 Ogos 2020 kepada 122,904 (Mahani Ishak, 2020). Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) pula merekodkan sebanyak (14%) peningkatan bilangan panggilan dan aduan menerusi WhatsApp berhubung kes keganasan rumah tangga yang membabitkan wanita (Mahani Ishak, 2020). Bagi kes bunuh diri, sebanyak 638 kes bunuh diri telah dilaporkan antara bulan Januari hingga Julai 2021 iaitu meningkat sebanyak 143 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 (Suraya Roslan, 2021). Dapatan ini selari dengan kajian UN Women (2020) yang menyatakan keganasan rumah tangga semasa pandemik berpunca dari pelbagai sebab seperti ketidakstabilan ekonomi, ketagihan alkohol, penyalahgunaan dadah dan rangkaian sokongan wanita yang lemah (Silva et al., 2020).

Justeru itu, langkah drastik kerajaan menamatkan larangan rentas sempadan pada November 2021 merencanakan kembali sistem ekonomi negara dan aktiviti bersosial. Masyarakat kembali dapat mengunjungi ahli keluarga mereka di kampung serta tekanan emosi dan perasaan melalui fasa pandemik dapat dikurangkan dengan melancong dalam negeri (Farique et al., 2021). Permohonan rundingcara perkahwinan akibat konflik juga menurun (Ismail et al., 2021) dan sistem bekerja dari rumah telah dikurangkan dan hanya dibenarkan sekiranya atas keperluan mendesak (Farique et al., 2021). Namun begitu, kajian yang dijalankan sejak berdekatan lalu dalam kalangan pengkaji keluarga dan perkahwinan menyatakan penceraian akan terus berlaku selagi ada perkahwinan (Hassan et al., 2020). Perceraian walaupun dilihat sebagai suatu perbuatan yang dibenci dalam Islam (Ismail et al., 2021), namun permohonan penceraian yang meningkat saban tahun amat membimbangkan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Oleh sebab itu, pendekatan kaunseling bersesuaian perlu dilakukan oleh kaunselor perkahwinan ketika menjalankan sesi kaunseling bagi mengurangkan konflik perkahwinan yang menyebabkan penceraian.

## SOROTAN LITERATUR

### Kaunselor Perkahwinan

Sungguhpun keperluan terhadap perkhidmatan kaunseling perkahwinan meningkat terutamanya dalam era pandemik COVID-19, jumlah kaunselor perkahwinan dan keluarga sangat terhad seperti dilaporkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), (2020). Sehingga 31 Julai 2020, sebanyak 9,243 orang kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), namun hanya 1,605 orang daripadanya berkebolehan mengendalikan sesi kaunseling perkahwinan dan keluarga. Ini bermakna, hanya 17.3 peratus daripada jumlah kaunselor yang berdaftar mampu mengendalikan isu yang melibatkan perkahwinan dan keluarga (KPWK, 2020). Kaunseling perkahwinan adalah komponen asas dalam lapangan kaunseling di Malaysia (Jie et al., 2021). Kaunseling perkahwinan merujuk kepada suatu proses untuk menggalakkan komunikasi dua hala secara berkeson di antara pasangan suami isteri. Pasangan berpeluang meluahkan masalah dan rasa tidak puas hati antara mereka terhadap pasangan masing-masing (Mohd Noor, 2012). Oleh sebab itu, kaunseling perkahwinan dapat dijelaskan sebagai suatu perkhidmatan yang diberikan kepada pasangan berkahwin untuk menyelesaikan konflik perkahwinan antara mereka secara berhikmah dengan melihat sumbangan pasangan kepada perkahwinan berbanding keburukan. Melalui sesi juga pasangan jelas tentang matlamat perkahwinan mereka seterusnya menguatkan semangat untuk kembali berdamai.

Ironinya, kaunseling perkahwinan memfokuskan untuk mendamaikan pasangan yang berkonflik untuk kembali hidup bersama (Jie et al., 2021). Namun begitu, bagi pasangan yang satu pihak cenderung untuk berdamai dan satu pihak lagi cenderung untuk berpisah keputusan untuk berdamai bukan matlamat kaunseling mereka (Doherty et al., 2016). Justeru itu, kaunselor perkahwinan terpaksa memikul tugas berat untuk memastikan hala tuju perkahwinan mereka adalah jelas. Selain itu, keputusan yang kabur mengenai halatuju perkahwinan memberi kesan kepada proses dalam sesi kaunseling (Doherty et al., 2021) sehingga mendatangkan keletihan kepada kaunselor (Jie et al., 2021). Tambahan pula, kekurangan jumlah kaunselor perkahwinan yang ada menyebabkan kaunselor perkahwinan terpaksa melakukan pelbagai tugas dalam satu-satu masa sehingga mendatangkan tekanan emosi, mental dan fizikal (Jie et al., 2021). Kelompangan yang ada, menyebabkan cadangan penggunaan pendekatan kaunseling disermen dilakukan untuk meningkatkan kompetensi kaunselor perkahwinan terutamanya ketika berhadapan dengan pasangan satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk bercerai (Nordin et al., 2022; Doherty et al., 2016).

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk: (i) meneroka sejarah, trend dan evolusi pendekatan kaunseling disermen, (ii) mendapatkan definisi Pendekatan Kaunseling Disermen, (iii) dan cadangan masa hadapan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan artikel ini ialah kajian perpustakaan atau sorotan literatur. Menggunakan kaedah ini, penulis dapat mengenal pasti jurnal yang terbaik dan yang bersesuaian berkaitan isu yang dikaji. Pencarian artikel dalam jurnal dilakukan dengan menggunakan kata kunci yang bersesuaian berdasarkan isu yang hendak dikaji. Selain itu, bagi memastikan maklumat yang diperoleh mencapai tahap ketepatan, pengkaji turut melakukan pencarian perkataan sinonim terhadap isu yang dikaji melalui aplikasi thesaurus.com. Artikel-artikel yang dikenal pasti turut dilakukan bola salji (snow ball). Di samping itu, data-data yang digunakan dalam kajian turut diambil daripada pelbagai sumber yang lain seperti dokumen, kertas laporan dan berita-berita semasa berkaitan kaunseling disermen. Data-data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah deskriptif mendedahkan fakta kejadian dan ditulis dalam bentuk kenyataan berdasarkan sumber yang dikaji.

## SEJARAH, TREND DAN EVOLUSI PENDEKATAN KAUNSELING DISERMEN

### Sejarah Pendekatan Kaunseling Disermen

Pendekatan Kaunseling Disermen adalah suatu pendekatan yang digunakan terhadap pasangan berkonflik perkahwinan diambang perceraian yang mana satu pihak cenderung untuk bercerai dan satu pihak lagi cenderung untuk kekal dan berharap tindakannya menemui kaunselor dapat menyelamatkan perkahwinan mereka (Doherty et al., 2016, 2021; Seedall, 2018). Pendekatan yang diasaskan oleh mendiang Betty Carter's ini telah dikembangkan oleh Doherty kepada protokol rawatan penuh yang hari ini dikenali Pendekatan Kaunseling Disermen (Doherty et al., 2011). Doherty et al. (2011) dalam kajiannya mendapati belum ada kajian yang dilakukan terhadap pasangan bercerai untuk berdamai semula dan minat mereka untuk hadir sesi rundingcara selepas bercerai. Oleh sebab itu, Doherty et al. (2011) telah menjalankan kajian terhadap ibu bapa bercerai bagi melihat kecenderungan mereka untuk kembali berdamai. Dalam kajian tersebut, seramai 2,484 ibu bapa bercerai yang menghadiri kursus keibubapaan yang dijalankan oleh undang-undang negeri dan polisi mahkamah daerah, Daerah Hennepin, Minnesota telah diambil sebagai sampel kajian. Dapatan kajian mendapati, satu (1) daripada empat (4) ibu bapa yang mengambil bahagian melaporkan mereka masih yakin perkahwinan mereka boleh diselamatkan. Mengenai perkhidmatan perdamaian pula, tiga (3) daripada 10 individu menyatakan minat untuk berdamai semula dengan pasangan. Dalam 329 pasangan yang dipadankan, satu (1) daripada tiga (3) orang yang mempunyai pasangan menyatakan berminat, dan satu (1) daripada 10 orang yang mempunyai kedua-dua pasangan (suami isteri) menyatakan minat untuk menyertai perkhidmatan berbaik semula. Doherty et al. (2011) mendapati jantina merupakan peramal penting untuk kembali berdamai, yang mana lelaki lebih cenderung untuk berdamai berbanding perempuan.

Dalam Pendekatan Kaunseling Disermen, pasangan yang berkonflik diberi kejelasan yang lebih besar dan berkeyakinan untuk membuat keputusan tentang hala tuju perkahwinan mereka berdasarkan kefahaman mendalam tentang konflik yang berlaku dan apakah sumbangan yang telah diberikan kepada setiap pasangan kepada masalah. Oleh itu, pasangan yang hadir untuk mendapatkan kaunseling adalah dalam kalangan yang mempunyai matlamat perkahwinan berbeza, tidak jelas dan keliru dengan hubungan mereka (Hinson et al., 2017). Emosi mereka juga tidak stabil (Kennedy & Ruggles, 2014) dan kadang-kadang tidak pasti sama ada perlu meneruskan perkahwinan atau sebaliknya (Doherty et al., 2021).

### Trend dan evolusi Pendekatan Kaunseling Disermen

Evolusi berterusan berlaku dalam penggunaan Pendekatan Kaunseling Disermen dalam sesi kaunseling perkahwinan (Edwards, 2021; Doherty et al., 2021). Terbaru, Edwards (2021) telah mengintegrasikan Kaunseling Disermen (Doherty & Harris, 2017) dengan Terapi Fokus Emosi (EFT) oleh Greenberg & Johnson (1988). EFT dan Kaunseling Disermen melihat hubungan berpasangan sebagai hubungan perapatan, sehingga memberi landasan yang sesuai untuk diintegrasikan. EFT secara asasnya bertujuan untuk mewujudkan hubungan perkahwinan yang terjalin selamat dan bahagia tanpa mengambilkira keadaan pasangan tersebut sama ada cenderung untuk kekal atau berpisah. Namun begitu, faedah kepada integrasi adalah isu perapatan yang dihadapi oleh pasangan dapat ditangani dengan berkesan tanpa mengambilkira kedudukan pasangan untuk kekal atau bercerai. Tambahan pula, matlamat utama terapi EFT adalah untuk meningkatkan daya tindak balas pasangan sebagai satu cara untuk menurunkan interaksi negatif, menguruskan perbezaan dan meningkatkan perasaan selamat di antara mereka (Edward, 2021). Kaunseling Disermen pula bertujuan menangani emosi bercampur pasangan sama ada terus kekal atau berpisah. Sehubungan itu, peta jalan bersesuaian yang dikemukakan oleh Edwards (2021) membantu ahli terapi EFT dan Kaunselor Disermen membuat penilaian, perancangan rawatan dan sesi awal yang bersesuaian.

Di Malaysia, Hassan (2019) menggabungkan Pendekatan Kaunseling Disermen dengan Maqasid Syariah (MASDIC) untuk pasangan yang samar dan keliru membuat keputusan. Dalam kajiannya, Hassan (2019) menggabungkan empat prinsip dalam Maqasid Syariah dengan Kaunseling Disermen. Seterusnya, pasangan yang satu pihak mahu kekal dan satu pihak lagi mahu bercerai diberi peluang untuk memilih jalan perkahwinan mereka sama ada (i) kekal dalam perkahwinan, (ii) berdamai dan menambah baik interaksi perkahwinan dan kepuasan mereka, dan (iii) bercerai dengan baik dan menjalankan tanggungjawab terhadap perkembangan anak secara berasingan. Dalam kajiannya, Hassan (2019) mendapati pasangan perkahwinan berada dalam tahap kepuasan sederhana terhadap perkahwinan. Golongan perempuan menunjukkan tahap ketidakpuasan yang tinggi terhadap perkahwinan dan bersedia menemui kaunselor untuk mendapatkan bantuan kaunseling. Seterusnya, daripada 10 pasangan yang bercerai keliru (ambivalence) yang telah menjalani sesi MASDIC, satu (1) daripada 10 pasangan tersebut telah memilih untuk kekal, enam (6) memilih untuk bercerai dan tiga (3) daripada pasangan memilih untuk bercerai secara baik sebagai matlamat akhir perkahwinan mereka (Hassan, 2019). Integrasi Kaunseling Disermen oleh Edwards (2021) dan Hassan (2019) telah menarik minat pengkaji untuk meneliti keperluan Pendekatan Kaunseling Disermen di Malaysia dan keberkesanan amalannya.

### DEFINISI KAUNSELING DISERMEN

Kaunseling Disermen merupakan suatu pendekatan yang direka terhadap pasangan yang hadir kaunseling perkahwinan yang mana satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi secara diam-diam memilih untuk bercerai dan hadir sesi kaunseling hanya untuk mengambil hati pasangannya kemudian berkata "saya telah cuba" (Doherty et al., 2016). Tanpa disedari agenda tersebut, kaunselor yang menjalankan sesi mengandaikan kaunseling telah gagal, padahal sebenarnya inilah yang diusahakan oleh pasangan yang cenderung untuk berdamai iaitu untuk memulihkan kembali hubungan perkahwinan mereka (Doherty et al., 2016). Perbezaan fokus yang berlaku dalam terapi perkahwinan iaitu memfokuskan kepada pasangan yang sama matlamat menjadikan pasangan diambang perceraian yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak cenderung untuk bercerai menjadi serik untuk hadir sesi terapi yang seterusnya dan mengambil jalan singkat dengan memutuskan untuk memfailkan perceraian sedangkan perkahwinan mereka masih boleh diselamatkan (Hinson et al., 2017; Hassan, 2019).

Oleh sebab itu, Pendekatan Kaunseling Diserment mengisi kelompangan tersebut dengan memberi tiga pilihan kepada pasangan berkonflik untuk membuat keputusan sama ada; (i) mengekalkan perkahwinan sedia ada, (ii) mengambil keputusan untuk berpisah atau bercerai atau (iii) membuat kerjasama selama 6-bulan melalui sesi terapi pasangan. Fokus terapi bukan untuk membantu pasangan bercerai atau kekal sebagai suami-isteri, sebaliknya memberi suatu usaha kepada pasangan untuk membuat keputusan yang bijak terhadap masa depan perhubungan mereka dengan menyetujui seketika isu penceraian pada ketika itu. Sesi kaunseling yang dijalankan pada masa yang berbeza walaupun pasangan datang secara bersama semasa peringkat perbualan individu memberi ruang kepada pasangan berkonflik untuk bercakap dengan selesa sebelum sesi secara bersama dijalankan (Doherty et al., 2016). Pasangan yang bersandar untuk berpisah, fokus sesi adalah terhadap proses membuat keputusan manakala pasangan yang bersandar untuk kekal, fokus sesi adalah untuk mendengar apa yang pasangan ingin katakan mengenai hubungan perkahwinan mereka dan usaha diberikan untuk membina kekuatan dalamannya supaya tidak mudah berputus asa, tahan tekanan dan menggunakan tempoh konflik perkahwinan yang berlaku sebagai masa untuk bangkit, belajar tentang diri dan mengembangkan potensi dirinya untuk lebih cemerlang pada masa hadapan (Doherty et al., 2016, 2021).

Justeru itu, Pendekatan Kaunseling Diserment membantu pasangan berkonflik perkahwinan yang mana satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk bercerai membuat keputusan yang bijak dan yakin mengenai hala tuju perkahwinan mereka. Pasangan juga jelas dengan matlamat perkahwinan mereka serta bersedia untuk menambah ilmu pengetahuan supaya konflik pada masa hadapan dapat ditangani dengan bijaksana dan berhikmah.

### CADANGAN MASA HADAPAN

Dalam situasi era pandemik COVID-19, tekanan kehidupan tidak hanya tertumpu kepada sistem ekonomi yang telah menyebabkan pengujaan pekerja dalam jumlah yang ramai tetapi juga konflik perkahwinan (Hussain et al., 2020; Torales et al., 2020; Hassan et al., 2020). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melaporkan sejak perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, aduan konflik atau keganasan rumah tangga yang melibatkan golongan isteri mendapat respon yang tinggi (Ismail et al., 2021). Analisis Talian Kasih 15999 dan WhatsApp Talian Kasih, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula melaporkan sejumlah 77,382 panggilan diterima sepanjang tempoh PKP dari 18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 dan didapati terus meningkat kepada 122,904 panggilan sehingga 31 Ogos 2020 (KPWKM, 2020). Hal ini menunjukkan wujud konflik rumah tangga pada skala yang besar. Oleh yang demikian itu, memandangkan kes penceraian yang dilaporkan masih meningkat saban tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020) dan kebanyakan pasangan suami isteri berkonflik terdiri daripada pasangan yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk berpisah (Doherty et al., 2021). Amatlah wajar pengamal kaunseling perkahwinan di Malaysia menyetujui Pendekatan Kaunseling Diserment dengan disesuaikan dengan agama dan budaya tempatan (Hassan, 2019).

Sungguhpun kaunseling perkahwinan diakui banyak membantu pasangan yang sedang berkonflik untuk kembali berdamai (Hassan et al., 2020), namun bagi kes pasangan yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk berpisah dilihat kurang berkesan melalui pendekatan kaunseling perkahwinan sedia ada (Harris & Hall, 2020). Tambahan pula, kekurangan jumlah kaunselor perkahwinan yang sedia ada di Malaysia berbanding kes konflik perkahwinan yang dilaporkan mendatangkan keletihan kepada kaunselor perkahwinan (Jie et al., 2021). Perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2018) melaporkan sejumlah 51,642 kes penceraian dilaporkan pada tahun 2016. Angka tersebut walau bagaimanapun menurun kepada 49,965 kes pada tahun 2017. Bagi pasangan Muslim, kadar penceraian pada tahun 2016 dilaporkan sejumlah 37,136 dan meningkat kepada 39,593 pada tahun 2017 (JAKIM, 2018). Kes penceraian tertinggi melibatkan pasangan muda yang berumur sekitar 37 tahun bagi lelaki (29 berkahwin) dan 34 tahun bagi perempuan (26 tahun berkahwin) (DOSM, 2018). Oleh sebab itu, pemilihan pendekatan yang bersesuaian membantu kaunselor perkahwinan meningkatkan tahap kecekapan mereka ketika memberi perkhidmatan dan dalam masa yang sama tidak menyetujui kehendak pasangan yang sedang berkonflik untuk membuat keputusan berdasarkan keperluan perkahwinan mereka pada masa itu.

Sungguhpun demikian, isu budaya merupakan topik perbincangan utama dalam kalangan pengamal kaunseling tempatan memandangkan Pendekatan Kaunseling Diserment diasaskan dari barat (Nordin et al., 2022; Harris & Hall, 2020). Justeru itu, Hassan (2019) telah menggabungkan Pendekatan Kaunseling Diserment dengan Maqasid Syariah (MASDIC) untuk pasangan Muslim bercerai yang berlainan agenda berdasarkan budaya tempatan. Dalam kajiannya, Hassan (2019) menggabungkan empat prinsip dalam Maqasid Syariah iaitu (i) mengkategorikan tentang apa yang diletakkan sebagai keperluan mendesak (daruriyyat), (ii) melindungi lima keperluan asas iaitu (a) nyawa, (b) akal, (c) keturunan, (d) harta dan kebijaksanaan, (iii) mengutamakan perkara yang baik berbanding perkara yang membawa keburukan, dan (iv) mengutamakan keperluan keluarga berbanding keperluan peribadi. Hassan (2019) kemudiannya menggabungkan Maqasid Syariah tersebut dengan Kaunseling Diserment yang lebih bersifat konvensional oleh Doherty et al. (2011, 2021) dengan nama MASDIC. Melalui MASDIC, pasangan yang satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk bercerai diberi peluang untuk memilih jalan perkahwinan mereka sama ada (i) kekal dalam perkahwinan, (ii) berdamai dan menambah baik interaksi perkahwinan dan kepuasan mereka, dan (iii) bercerai dengan baik dan menjalankan tanggungjawab terhadap perkembangan anak secara berasingan. Daripada dapatan MASDIC, Hassan (2019) mendapati golongan perempuan menunjukkan tahap ketidakpuasan yang tinggi terhadap perkahwinan dan bersedia menemui kaunselor untuk mendapatkan bantuan kaunseling. Dapatan ini berbeza dengan Doherty (2021) yang menyatakan golongan lelaki lebih cenderung untuk berdamai berbanding perempuan. Namun demikian, kedua-dua kajian bersetuju bahawa punca konflik menyebabkan salah satu pihak cenderung untuk kekal dan satu pihak lagi cenderung untuk berpisah.

Hassan (2019) seterusnya mendapati, daripada 10 pasangan keliru dengan penceraian dan menjalani sesi MASDIC, satu (1) daripadanya memilih untuk kekal, enam (6) memilih untuk bercerai dan tiga (3) memilih untuk bercerai secara baik sebagai matlamat akhir perkahwinan (Hassan, 2019). Dapatan yang diperoleh menunjukkan Kaunseling Diserment sesuai untuk dikembangkan di Malaysia dengan disesuaikan kembali menurut budaya tempatan.

## KESIMPULAN

Pendekatan Kaunseling Disermen diyakini dapat mengurangkan kes perceraian secara keliru, kurang matang dan agenda tersembunyi semasa membuat keputusan dalam kalangan pasangan yang sedang berkonflik (Wisyaningrum et al., 2020; Hinson et al., 2017; Harris & Hall, 2020). Tambahan pula, elemen yang ditekankan dalam Pendekatan Kaunseling Disermen adalah pemilihan membuat keputusan iaitu sama ada ; (i) mengekalkan perkahwinan sedia ada, (ii) mengambil keputusan untuk berpisah atau bercerai atau (iii) membuat kerjasama selama 6-bulan melalui sesi terapi pasangan (Doherty et al., 2011, 2016). Pilihan keputusan yang diberikan memberi ruang kepada pasangan untuk membuat keputusan secara bertanggungjawab untuk masa depan perkahwinan mereka di samping turut megambilkira tahap kesejahteraan emosi anak-anak yang terlibat terutamanya dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 (Ward et al., 2020; Wisyaningrum et al., 2020). Oleh sebab itu, penggunaan Pendekatan Kaunseling Disermen dalam sesi kaunseling dalam kalangan kaunselor perkahwinan dapat menurunkan kes perceraian kurang matang dalam kalangan pasangan yang berkonflik perkahwinan. Di samping itu, integrasi bersesuaian yang dilakukan mengikut normal dan budaya tempatan menjadikan sesi kaunseling lebih berkesan dan kes perceraian kurang matang dapat diturunkan.

## Rujukan

Doherty, W. J., Kalantar, S. M., & Tarsafi, M. (2021). Divorce ambivalence and reasons for divorce in Iran. *Family process, 60*(1), 159-168.

Doherty, W. J., & Harris, S. M. (2017). *Helping couples on the brink of divorce: Discernment counseling for troubled relationships*. American Psychological Association.

Doherty, W. J., Harris, S. M., & Wilde, J. L. (2016). Discernment Counseling for "Mixed-Agenda" Couples. *Journal of Marital and Family Therapy, 42*(2), 246–255. <https://doi.org/10.1111/jmft.12132>

Doherty, W. J., Willoughby, B. J., & Peterson, B. (2011). Interest In Marital Reconciliation Among Divorcing Parents. *Family Court Review*. <https://doi.org/10.1111/j.1744-1617.2011.01373.x>

Edwards, C. (2021). The Integration of Discernment Counseling and Emotionally Focused Therapy: Attachment-Based Therapy with Mixed Agenda Couples. *Contemporary Family Therapy, 1-9*.

Farique, M. A. M., & Fauzi, M. A. M. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies, 2*(2), 122-129.

Fernet, C., Trépanier, S. G., Austin, S., & Levesque-Côté, J. (2016). Committed, inspiring, and healthy teachers: How do school environment and motivational factors facilitate optimal functioning at career start?. *Teaching and Teacher Education, 59*, 481-491.

Gere, J., & Schimmack, U. (2011). When romantic partners' goals conflict: Effects on relationship quality and subjective well-being. *Journal of Happiness Studies, 14*(1), 37-49.

Harris, S. M., & Hall, E. L. (2020). Therapy with Individuals and Couples Deciding to Continue or End Their Relationship. *The Handbook of Systemic Family Therapy, 3*, 269-294.

Hassan. (2019). Global Muslim Mental Health Conference, Clare College, Cambridge, United Kingdom. 7-8th (Saturday-Sunday) September 2019

Hassan, S. A., Basri, M. A., Yuosof, R. J. R., Shariman, T. P. N. T., Jamaludin, R., Zainudin, Z. N., & Ismail, I. A. (2020). My Damai home apps for post covid 19 pandemic: An innovative system to enhance well-being via work-life balance among women. *Journal of Critical Reviews, 7*(13), 591-595.

Hinson, W. R., Hargrave, S. J., Northrup, J., & Robertson, J. M. (2017). The marital attitudes scale: assessing and treating ambivalent clients. *Journal of Divorce & Remarriage, 58*(6), 411-429.

Hussain, M. W., Mirza, T., & Hassan, M. M. (2020). Impact of COVID-19 Pandemic on the Human Behavior. *International Journal of Education and Management Engineering, 5*, 35-61.

Ismail, S., Urus, N. S. T., Binawae, F. I., & Siraji, A. H. A. S. (2021). Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisisme dan Gaslighting dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research, 24*(2), 88-117.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Statistik Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Statistik Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia.

Jie, L. Z., Hassan, S. A., & Zaremozhzabieh, Z. (2021). Relationships between Burnout, Resilience, and Self-Care among Marriage and Family Counsellors in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 29*.

- Kennedy, S., & Ruggles, S. (2014). Breaking up is hard to count: The rise of divorce in the United States, 1980–2010. *Demography*, 51(2), 587-598.
- Ministry of Women, Family and Community Development. (2020). Dewan Negara oral answer on 8 September 2020. Ministry of Women, Family and Community Development. <https://bit.ly/2TetEDK>
- Mohd Noor, N., & Mahmud, Z. (2012). Proses kaunseling keluarga di Malaysia/Dr. Norhayati Mohd Noor, Prof. Dr. Zuria Mahmud and Prof. Madya Dr. Saemah Abd. Rahman.
- Mahani Ishak. (2020). Aduan keganasan rumah tangga meningkat Diperolehi dari: <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2020/04/675315/aduan-keganasan-rumah-tangga-meningkat>
- Noor, N. M., Mahdzir, A. M., Nor, A. M., & Abdullah, R. (2019). Marital wellbeing indicators amongst Malay Muslim couple in Malaysia: A preliminary study. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 15(101).
- Nordin, M. H. M., Hassan, S. A., Ismail, I. A., Hamsan, H. H., & Aziz, D. A. (2022). Dyadic discernment among young spouses in conflict: A decision science of marital and family therapy. *Journal of Management Information and Decision Sciences*, 25(1), 1-8.
- Suraya Roslan. (2021). Kes bunuh diri meningkat 143 peratus Diperolehi dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862128/kes-bunuh-diri-meningkat-143-peratus>.
- Seedall, R. B. (2018). Doherty, WJ, & Harris, SM (2017). Helping couples on the brink of divorce: Discernment counseling for troubled relationships. Washington, DC: American Psychological Association, 229 pp. \$69.95. *Journal of Marital and Family Therapy*, 44(1), 184-185.
- Silva, A.F.d., Estrela, F.M., Soares, C.F.S., Magalhães, J.R.F.d., Lima, N.S., Morais, A.C., Gomes, N.P., Lima, V.L.d.A. (2020). Marital violence precipitating/intensifying elements during the Covid-19 pandemic. *Ciência & Saúde Coletiva*.25,3475–80.
- Torales, J., O'Higgins, M., Castaldelli-Maia, J.M., & Ventriglio, A. (2020). The outbreak of COVID-19 coronavirus and its impact on global mental health. *International Journal of Social Psychiatry*, 66(4), 317-320.
- UN Women. (2020). The First 100 Days of Covid-19 In Asia and The Pacific: A Gender Lens. Bangkok, Thailand: UN Women Regional Office for Asia and the Pacific; 2020. Diperolehi dari: [https://www2.unwomen.org/-/media/field%20office%20eseasia/docs/publications/2020/04/ap\\_first\\_100-days\\_covid-19-r02.pdf?la=en&vs=3400](https://www2.unwomen.org/-/media/field%20office%20eseasia/docs/publications/2020/04/ap_first_100-days_covid-19-r02.pdf?la=en&vs=3400)
- Ward, K. P., & Lee, S. J. (2020). Mothers' and fathers' parenting stress, responsiveness, and child wellbeing among low-income families. *Children and Youth Services Review*, 116, 105218.
- Wisyaningrum, S., Epifani, I., & Ediati, A. (2020). Surviving Marital Relationship During the COVID-19 Pandemic: A Systematic Review on Marital Conflict. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 530, 103-108.

Mohd Hamdan Mohamed Nordin  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia  
E-mail: mohdhamdan.mpic@gmail.com

Siti Aishah Hassan  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia  
E-mail: siti\_aishahh@upm.edu.my

Ismi Arif Ismail  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia  
E-mail: ismi@upm.edu.my

Hanina H. Hamsan  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia*  
*E-mail: hanina@upm.edu.my*

Azrin Shah Abu Bakar  
*Institut Pengajian Sains Sosial*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia*  
*E-mail: azrinshah4141209@gmail.com*